

21 SEP 1999

Mahathir-Tanggungjawab

PENSYARAH DAN GURU DISERU TANAM PERASAAN TANGGUNGJAWAB

KANGAR, 21 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru semua pihak terutama pensyarah dan guru supaya menanam rasa tanggungjawab kepada diri, bangsa dan negara di kalangan pelajar.

Beliau berkata perasaan itu hendaklah diserap dalam diri pelajar sebagai usaha berterusan untuk membangunkan negara dan mengekalkan kemerdekaannya.

Ketika berucap merasmikan Maktab Perguruan Kangar, Perlis (MPKP) di sini, beliau berkata pensyarah dan guru juga berperanan dalam menyebarkan ilmu dengan secukupnya kepada pelajar.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim.

Dr Mahathir berkata pensyarah dan guru tidak seharusnya berfikir tentang apa yang akan mereka kecapai untuk diri sendiri, sebaliknya mestilah berfikir tentang ilmu yang disebarikan untuk membangunkan rakyat serta generasi akan datang.

"Mereka seharusnya membangunkan pelajar untuk menguasai ilmu-ilmu yang penting sebagai usaha meningkatkan daya tahan pelajar untuk bersaing serta mempertahankan negara demi mengekalkan kemerdekaan," katanya.

Beliau berkata negara akan menjadi maju jika ini dapat dilaksanakan secara berterusan, sebaliknya negara akan gagal jika golongan ini hanya berfikir tentang diri sendiri.

"Ilmu yang secukupnya yang dibekalkan kepada pelajar dapat menjadikan mereka tidak melupai budi generasi yang terdahulu... pelajar ini seterusnya akan membalas budi itu dengan menyebarkan ilmu yang diperolehi kepada generasi yang akan datang," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya Najib berkata negara akan maju jika unsur ilmu dan budaya bergerak seiring.

"Tidak guna jika kita hanya melaungkan slogan Malaysia Boleh kerana ia tidak akan berjaya jika dalam masa yang sama kita tidak bersandarkan kepada ilmu dan budaya," katanya.

Beliau berkata unsur budi juga tidak boleh dilupakan kerana hakikatnya dalam bidang pendidikan, pelajar berbudi pada ibu bapa, ibu bapa berbudi pada guru dan guru berbudi pada kerajaan.

"Oleh itu, kita mestilah sentiasa berbuat budi, mengenang budi dan membalas budi," katanya.

MPKP dibina pada April 1996 dan siap pada Jun tahun ini dengan kos RM56 juta. Ia mempunyai 30 blok dan boleh menempatkan 1,200 pelajar.

-- BERNAMA

MAN NMO